

8.4.2024

Siaran Media

IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

PELAN KONTIGENSI AIR HARI RAYA AIDILFITRI PBAPP 2024

- **Lori tangki air dalam status bersiap siaga berikutan jangkaan penggunaan air yang tinggi semasa musim perayaan yang panas dan kering ketika ini.**
- **Kawasan penempatan yang berpotensi: Beberapa kejuranan di Seberang Perai Selatan (SPS) dan beberapa kejuranan di Relau, Daerah Barat Daya (DBD) di Pulau Pinang.**

PULAU PINANG, Isnin, 8.4.2024: PBAPP akan menggerakkan kumpulan 13 lori tangki air sebagai langkah siap siaga untuk mengelak atau meminimumkan gangguan bekalan air tidak berjadual di Pulau Pinang ketika musim perayaan Hari Raya Aidilfitri 2024 yang panas dan kering ketika ini.

Lori tangki ini, termasuk tiga (3) lori tangki Jumbo (kapasiti maksimum: 40,000 liter setiap satu), bersedia untuk berkhidmat di beberapa kawasan kejuranan di Seberang Perai Selatan (SPS) serta beberapa kejuranan kawasan tanah tinggi dan hujung paip agihan (EoL) di Relau dan Bukit Belah, Daerah Barat Daya (DBD).

Rasional utama “Pelan Kontingensi Air Hari Raya Aidilfitri 2024” PBAPP adalah **jangkaan penggunaan air yang tinggi sebelum dan semasa musim perayaan yang panas dan kering.**

Pada Februari 2024, PBAPP merekodkan purata angka penggunaan air yang tinggi iaitu 927 juta liter sehari (JLH) di Pulau Pinang. Harap maklum bahawa 927 JLH adalah 50 JLH lebih tinggi daripada purata tahunan 877 JLH untuk 2023.

PBAPP menjangkakan penggunaan air ketika tempoh “balik kampung” dan perayaan Hari Raya Aidilfitri, dari 7.4.2024 hingga 14.4.2024, mungkin bersamaan atau melebihi 927 JLH.


Oleh itu, kami menggerakkan kumpulan lori tangki air sebagai langkah pencegahan dan mitigasi, bersama-sama 47 tangki air statik (kapasiti maksimum: 2,000 liter) bagi tempoh dari 7.4.2024 hingga 14.4.2024. Jika perlu, penghantarannya akan diperluaskan (dengan lebih banyak lori tangki) atau dilanjutkan (dalam tempoh yang lebih lama), untuk menangani permintaan air.

Hampir semua negeri lain di Semenanjung Malaysia, termasuk Johor dan Selangor, juga melaksanakan pelan kontingensi air perayaan yang sama berikutan keadaan cuaca dan senario bekalan air semasa.

Seboleh-bolehnya, PBAPP mahu mengelakkan gangguan bekalan air. Sehubungan itu, kita juga ingin memohon kerjasama daripada pengguna-pengguna air untuk menggunakan air dengan berhemat ketika sambutan Hari Raya Aidilfitri. Pulau Pinang masih mengalami cuaca panas dan kering yang menyebabkan simpanan air empangan berkurangan.

Laporan status kapasiti efektif empangan (7.4.2024)

Pengguna air Pulau Pinang harus menggunakan air dengan berhemat sehingga hujan tiba untuk meningkatkan simpanan air mentah empangan berikut:



* Kapasiti efektif Empangan Air Itam kini “dipertahankan” oleh Pelan Tindakan Empangan Air Itam PBAPP 2024 (AIDAP 2024). Kira-kira 33 JLH air terawat kini dipam dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua ke kawasan perkhidmatan Air Itam.

** Empangan Mengkuang yang Diperbesarkan ialah empangan simpanan strategik kemarau. Simpanannya hanya akan dilepaskan apabila air mentah tidak mencukupi untuk diabstrak dari Sungai Muda.

*** Bacaan yang direkodkan pada 5.4.2024. Kedua-dua empangan di Kedah ini melepaskan air ke Sungai Muda pada musim kemarau.

Pada 7.4.2024, paras air Sungai Muda, sumber air mentah utama Pulau Pinang, adalah 2.12m di muka sauk Lahar Tiang PBAPP, iaitu melebihi “paras selamat” 2.0m.

Air mentah yang diabstrak dari Sungai Muda digunakan untuk mengeluarkan air terawat di LRA Sungai Dua. Kira-kira 85% daripada 927 JLH air terawat yang digunakan oleh 689,786 pengguna air Pulau Pinang pada Februari 2024 telah dikeluarkan di LRA Sungai Dua.

Buat masa ini, keseluruhan status bekalan air di Pulau Pinang adalah terkawal. Ramalan cuaca antarabangsa dan tempatan menunjukkan bahawa sepatutnya ada hujan yang lebih banyak di Pulau Pinang dalam tempoh 3 hingga 4 bulan akan datang, berikutan jangkakan peralihan kepada fenomena La Niña dan ketibaan musim peralihan monsun.

Bagaimanapun, PBAPP akan terus beroperasi pada status kesiapsiagaan yang tinggi sehingga hujan sebenar meningkatkan kapasiti efektif semua empangan utama yang menjejaskan bekalan air di Pulau Pinang.

Izinkan saya mengulangi rayuan PBAPP kepada semua pengguna air di Pulau Pinang untuk mengurangkan penggunaan air sebanyak 10% pada April, Mei dan Jun 2024. Untuk tip penjimatan air domestik, sila layari: www.pba.com.my

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my